

17/06/2003

Menghindar bimbang menerusi muafakat

KEBIMBANGAN yang dicetuskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pengundurannya Oktober nanti memungkinkan berlaku perebutan bagi jawatan Timbalan Presiden Umno, tidak pun memerlukan banyak kupasan. Sepanjang memimpin Umno sejak 1981, Dr Mahathir sudah menyaksikan semuanya betapa keburukan daripada perebutan jawatan nombor dua itu mengatasi kebaikan yang dihajati daripadanya. Kalaupun ia mahu dilihat sebagai amaran, mesej

yang mahu diterapkan oleh Perdana Menteri ialah mereka yang enggan belajar daripada sejarah tidak akan terhindar daripada melakukan kesilapan yang sama secara berulang-ulang. Bukankah Dr Mahathir sudah mengingatkan bahawa

'Melayu mudah lupa'?

Bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut berkongsi kebimbangan serupa. Barangkali lantaran sebab yang sama, Pak Lah masih melengahkan janjinya untuk menamakan bakal timbalannya selepas pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Julai lalu. Jauh daripada memungkirinya kerana tiada tempoh masa khusus ditetapkan untuk berbuat demikian, ia menyerlahkan ketelitian untuk mengelakkan kedamaian dalam Umno kini daripada kembali berkocak. Tiba masanya nanti, pilihannya tetap akan diumumkan tanpa semestinya terpengaruh dengan desas-desus dan khabar angin yang tidak pernah terhenti daripada disebar-luaskan.

Nampaknya rata-rata pemimpin Umno di pelbagai peringkat turut akur dengan kebimbangan Dr Mahathir dan Pak Lah. Kenyataan terbuka ketiga-tiga naib presiden untuk menyokong sesiapa saja yang akan dipilih Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri, sekali gus mengelakkan perebutan, menyerlahkan keutuhan parti didahulukan sebagai keutamaan. Lebih daripada itu, ia menjadi ikrar yang 'mengikat' ketiga-tiganya untuk berpegang kepada janji berkenaan. Dalam pada itu, sejarah turut mendedahkan persefahaman sedemikian boleh dirosakkan oleh angkara sekumpulan ahli untuk melonjakkan pemimpin yang disokong mereka. Atas pengajaran itulah, ikrar berkenaan perlu turut dihayati dan dipatuhi penyokong masing-masing.

Dr Mahathir memilih waktu untuk menyerahkan kepemimpinan ketika Umno kukuh dan bersatu-padu. Apabila teraju berpindah kepada Pak Lah, bukan saja keadaan itu perlu dipertahankan, malah diperteguhkan lagi tanpa membenarkan Umno digoncang oleh apa saja yang boleh menggugat keutuhan parti. Ikrar hendaklah diterjemahkan kepada penghayatan dan amalan, dengan setiap seorang yang dalam tubuhnya mengalir darah Umno, sama-sama menyumbang ke arah itu. Dengan peralihan yang akan menyusul, Pak Lah perlu diberikan sepenuh sokongan dan bantuan dalam menjamin kesinambungan kepemimpinan cemerlang lagi berwawasan.

